

MENARIK DI ANGKASA LEPAS

- Malam dan siang silih berganti setiap setengah jam di ISS
- Ketika di ISS angkasawan membuka ikatan di kerusi, mereka akan terapung dan perlu membiasakan diri.
- Biasanya angkasawan akan mabuk angkasa selama beberapa hari sebelum membiasakan diri.
- Di stesen terdapat kemudahan kebersihan seperti besen cuci dengan paip air panas dan sejuk.
- Kawasan itu mempunyai cermin, lampu, sabun dan sistem pungutan najis seperti di bumi.
- Penentuan kiblat mengikut kemampuan urutan seperti Kaabah, unjuran Kaabah, bumi atau mana-mana arah.
- Penentuan waktu solat menggunakan pakai waktu di Kazakhstan.
- Solat ditunaikan secara jama' dan qasar dan tidak perlu qada'. Pelaksanaan rukun fi'li (perbuatan) dengan mempunyai beberapa kelonggaran sebagai angkasawan.
- Membuang air dalam tandas dengan graviti sifar menimbulkan masalah kerana najis tidak jatuh seperti di bumi.
- Tandas menggunakan udara bagi mengepam najis tidak seperti tandas di bumi menggunakan air.
- Tempat duduk tandas sama di bumi dan mempunyai kebuk di bawahnya yang akan mengumpul sisa buangan pepejal.
- Satu tiub khas digunakan bagi membuang air kecil atau sisa buangan cecair dan kemudian dibuang ke angkasa.
- Sisa buangan pepejal pula, ia akan dikeringkan dan dibawa pulang untuk dilupuskan.
- Semasa tidur, bagi mengelakkan dirinya terapung angkasawan perlu mengikat badan dengan kemas.